




PROGRAM OUTREACH PPPLB KE SK BUAYAN

Rombongan terdiri daripada Ketua PPPLB, Prof. Madya Dr. Na'imah Yusoff, Cik Aishah Tamby Omar (Pensyarah SPPS) dan En. Ismail Ladama (Pegawai Penyelidik) telah mengadakan lawatan ke SK Buayan, Penampang pada 27 hingga 29 April 2008. SK Buayan terletak di kawasan hutan simpan daerah Penampang, Sabah. Sekolah tersebut hanya boleh dihubungi menerusi jalan balak dan hutan (berjalan kaki) atau menggunakan perkhidmatan helikopter persendirian dengan kos RM1,600 sehala (terhad kepada empat orang penumpang). Rombongan PPPLB menggunakan jalan darat yang mengambil masa satu jam perjalanan menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan balak daripada pekan Dongongan, Penampang ke Timpayasa. Rombongan seterusnya perlu berjalan kaki selama sembilan jam (11.30 pagi – 8.30 malam). Sepanjang perjalanan, rombongan perlu melalui jalan balak, denai di tebing bukit dan hutan, merentasi tiga sungai besar, mendaki tiga bukit sepanjang hutan simpan serta merentasi sungai Papar menggunakan lima jambatan gantung. Selain itu, rombongan turut melalui tiga perkampungan tradisi utama iaitu Kg. Timpayasa, Kg. Tiku dan Kg. Buayan yang majoriti penduduknya bekerja sebagai petani.





SK Buayan mempunyai satu blok bilik darjah merangkumi dua bilik darjah (dipecahkan kepada empat bilik menggunakan papan pengadang), bilik guru, makmal komputer dan bilik guru besar. Bangunan pusat sumber agak uzur dan tidak teratur. KPM telah membina satu bangunan asrama pelajar (masih tidak boleh gunakan kerana tiada kelengkapan aras), sebuah pondok keselamatan dan dua buah rumah guru. Walau bagaimanapun, kemudahan generator yang disediakan telah rosak menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara konservatif (tradisional), manakala guru-guru perlu menggunakan lilin serta bateri kendaraan sebagai sumber elektrik untuk tujuan mengemas telefon dan bateri lampu. Selain itu, plat solar yang dipasang untuk menyalurkan tenaga elektrik bagi kegunaan makmal komputer juga tidak berfungsi menyebabkan peralatan elektronik termasuk komputer tidak boleh digunakan.

Hanya lima orang guru yang berkhidmat di SK Buayan, tidak seorang pun yang memiliki Ijazah dalam bidang masing-masing. Sesi persekolahan hanya bermula pada jam 8.00 pagi dan tamat pada jam 2.00 petang. Pemilihan waktu tersebut dibuat berdasarkan perjalanan murid sekolah yang puratanya mengambil masa satu hingga dua jam (berjalan kaki) dengan mengambil kira faktor keselamatan dan keselesaan murid.



Purata enrolmen tahunan murid SK Buayan ialah 44 orang murid. Tahun 2008 mencatat pendaftaran murid tertinggi iaitu seramai 53 orang. Sekolah tersebut dikategorikan sebagai SKM kerana tidak mencapai bilangan murid 150 orang. Masalah illiterasi dalam kalangan murid SK Buayan didapati agak rendah dengan hanya 14 orang daripada 53 orang yang masih diletakkan di bawah program KIA2M. Manakala anggaran peratus kehadiran harian murid ialah 80.0%.